

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI MASYARAKAT BERMAKLUMAT  
NATIONAL SUMMIT ON INFORMATION SOCIETY (NASIS)  
7 – 8 SEPTEMBER 2005  
INTERNATIONAL CONVENTION CENTER, BRUNEI DARUSSALAM**

---

---

**Date of issue: 31<sup>st</sup> August 2005**

**Doc. S5-4**

**Session 5: Bridging the Digital Divide**

**Is there any ICT development gap between  
urban and rural areas in Brunei Darussalam?**

**by Awg Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba  
Acting Assistant District Officer,  
District Office Temburong**

**(Thursday, 8<sup>th</sup> September 2005, 10.30am – 12.15pm)**

---

---

## **Perkembangan ICT di Daerah Temburong sepintas lalu.**

Daerah Temburong bolehlah dianggap sebagai kawasan luar Bandar di Negara Brunei Darussalam. Kedudukannya tersebut memang amat bernilai sebagai sukat-sukat dan perbandingan bagi sesuatu perkembangan dan kemajuan termasuklah keperluan dalam melihat perkembangan ICT.

Empat peringkat atau kelompok masyarakat secara umum dapat dilihat dalam penggunaan ICT di Daerah Temburong iaitu:- Sekolah , Jabatan , keluarga dan umum.

### a. Peringkat Sekolah

Diperingkat sekolah-sekolah Daerah Temburong, ICT telah mula diperkenalkan pada tahun 1998 dengan membekalkan alat-alat secara berperingkat-peringkat. Sehingga kini kesemua sekolah di daerah Temburong telah mempunyai computer masing-masing, sekurang-kurangnya jika tidak digunakan sebagai bahan/alat pengajaran dan pembelajaran tetapi bagi keperluan pengurusan dan pentadbiran. Ketika ini juga, mengambil maklum bahawa kesemua sekolah di daerah Temburong telah memasukan ICT sebagai salah satu kurikulum dan dimasukkan kedalam jadual pembelajaran.

### b. Peringkat Jabatan

Berdasarkan kajian secara umum, penggunaan ICT diperingkat jabatan-jabatan di daerah Temburong adalah seawal tahun 1993 dengan menggunakan alat-alat computer bagi keperluan kerja-kerja pejabat. Penggunaan ICT tersebut sudah setentunya semakin berkembang dari masa kesemasa sehingga sekarang selari dengan kemajuan dan kemudahan serta keperluan. Penggunaan fax, internet, e-speed, CD, DVD, Projector, Digital Camera, Interactive Board dan sistem-sistem lain terkini setentunya telah ada dan digunapakai di beberapa buah jabatan.

### c. Peringkat Keluarga

Meskipun masyarakat di daerah Temburong tidaklah jauh lebih terdedah kepada penggunaan ICT ini, namun secara umum,kebanyakan rumah sekurang-kurangnya mempunyai sebuah computer, malah ada yang lebih. Terdapat juga keluarga yang mempunyai alat-alat ICT lainya seperti mesin fax, mesin penggambar disamping pemasangan dan penggunaan internet.

Anak- anak dalam keluarga berkenaan, seawal diusia 4 tahun telah mula dikenalkan dengan dunia ICT iaitu dengan menggunakan alat komputer bagi tujuan permainan [ computer game]

### d. Peringkat Umum

Pada tahun 1990an, terdapat beberapa buah kedai/pusat di Pekan bangar Temburong yang menyediakan perkhidmatan kursus computer diperingkat asas. Namun perkhidmatan tersebut tidak dapat bertahan lama. Setelah itu terdapat satu pusat ini juga memberikan perkhidmatan serupa. Hanya pusat ini saja lah yang masih beroperasi hingga sekarang.

## **Kemahiran dan Minat Penggunaan ICT**

Secara umum, majority pengguna ICT di daerah ini adalah diperingkat asas, iaitu bagi keperluan pekerjaan atau urusan-urusan rasmi sahaja. Namun terdapat juga sebilangan orang yang maju ke hadapan tetapi bergantung kepada minat dan kemampuan masing-masing.

Diantara factor yang ketara mengapa perkara ini terjadi adalah kurangnya kemudahan dan peralatan yang lengkap dibekalkan di Sekolah, jabatan atau ditempat-tempat umum disamping kurang tekanan bagi penggunaan ICT itu sendiri dalam keperluan kehidupan seharian baik ditempat kerja, rumah atau umum.

### **Cadangan**

- a. Kemudahan dan peralatan ICT perlu dipertingkatkan lagi perbekalannya.
- b. Pusat umum ICT [Cyber café] elok juga diadakan.
- c. Pusat kursus penggunaan ICT yang lebih advance diperlukan agar masyarakat tidak perlu keluar daerah.
- d. Kemudahan perhubungan [talian] elok dipertingkatkan kualitinya.
- e. Banyakkan projek/aktibiti yang membantu merangsang minat kearah penggunaan ICT.

### **Kesimpulan**

Memang terdapat perbezaan tahap penggunaan ICT diperingkat Bandar dan Desa. Perbezaan ini berpunca antara lain dari factor-faktor berikut:-

- a. Kemudahan-kemudahan
- b. Minat dan keperluan
- c. Persekitaran [bukan ICT environment]

Penggunaan ICT memang telah wujud dalam masyarakat di daerah ini Cuma % dan kualiti penggunaan tersebut tidaklah setanding dengan masyarakat Bandar.

## **PENYATA PERIBADI**

**NAMA PENUH** : Matusin bin Orang kaya Sura Haji Tuba  
S.M.B,P.S.B,P.I.K.B

**ALAMAT** : No 137, Kampong Senukoh Labu Temburong  
Brunei Darussalam.

**KELULUSAN** : BA [ Primary Edn], M.Ed [ Ed. Management]

**TEMPAT  
BERTUGAS** : Jabatan Daerah Temburong  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

**JAWATAN  
SEKARANG** : Pegawai Pentadbir Tingkat Khas

**JAWATAN  
TERDAHULU** : Guru Terlatih [ 1981-1993]  
Pegawai Pelajaran [ 1994- 2004]

**PENGLIBATAN  
DALAM NGO  
[ Sekarang ]** :

- : Penasihat Majlis Perundingan Kampung  
Senukoh Labu Temburong
- : Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Koperasi  
Pelancongan Daerah Temburong Dengan  
Tanggungjawab Berhad
- : Pengerusi Badan Kebudayaan Dan  
Pelancongan Daerah Temburong
- : Pesuruhjaya Pengakap, Persatuan Pengakap  
Daerah Temburong